

## PERBEZAAN SULH, PERUNDINGAN, HAKAM, PERBICARAAN DAN KAUNSELING

<b>SULH</b> (Mahkamah Syariah)	<b>PERUNDINGAN</b> (Pihak-Pihak)	<b>HAKAM</b> (Mahkamah Syariah )	<b>PERBICARAAN</b> (Mahkamah Syariah)	<b>KAUNSELING</b> (Pejabat Agama)
Bersifat kerahsiaan (antara pihak-pihak dan Pegawai Sulh sahaja)	Tiada Kerahsiaan	Tiada kerahsiaan (dilakukan dalam Dewan Bicara)	Tiada kerahsiaan (dilakukan dalam Dewan Bicara)	Bersifat kerahsiaan tetapi Laporan Kaunseling boleh dihantar ke Mahkamah dengan persetujuan pihak-pihak
Keputusan dibuat oleh pihak-pihak dan pihak-pihak mendapat kepuasan dalam mencapai keputusan	Sukar mencapai kata putus	Keputusan dibuat sepenuhnya oleh Hakam	Keputusan dibuat sepenuhnya oleh Hakim Bicara dan pihak-pihak tidak mendapat kepuasan sepenuhnya	Keputusan dapat dicapai oleh pihak-pihak melalui proses 'celik akal'
Pegawai Sulh bertindak selaku pengerusi Majlis dan membantu pihak-pihak mencapai persepakatan	Tiada pihak yang membantu pihak-pihak untuk mencapai persepakatan	Hakam akan membuat keputusan bagi pihak-pihak dan bukannya membantu pihak-pihak mencapai persepakatan	Hakim Bicara akan membuat keputusan dan bukannya membantu pihak-pihak mencapai persepakatan	Kaunselor bertindak sebagai pemudahcara dalam segala perkara yang melibatkan pertikaian dan pihak-pihak akan membuat keputusan berdasarkan alternatif yang dibincangkan
Kes dapat diselesaikan dengan cepat mengikut kehendak pihak-pihak (tempoh paling lama di Majlis Sulh 2 bulan sahaja)	Masa yang diperlukan tidak menentu	Masa yang diperlukan tidak menentu	Proses penyelesaian memakan masa yang lama	Tempoh kes selesai adalah bergantung kepada pihak-pihak dan kes yang dirujuk